

## SURAH BARISAN



Surah: 61 Juzuk: 28 Bil. Ayat: 14

*Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah,  
lagi Maha Mengasihani.*

1. Apa yang ada di langit dan yang ada di bumi bertasbih kepada Allah. Dialah Yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.
2. Wahai orang yang beriman! Mengapa kamu mengatakan sesuatu yang tidak kamu lakukan?
3. (Itu) sangat dibenci di sisi Allah jika kamu mengatakan sesuatu yang tidak kamu lakukan.
4. Sesungguhnya Allah mengasihani orang yang berperang di jalanNya dalam barisan yang teratur, seolah-olah mereka suatu bangunan yang tersusun.
5. Dan ketika Musa berkata kepada kaumnya: «Wahai kaumku! Mengapa kamu menyakiti aku, sedangkan kamu mengetahui sesungguhnya aku ini utusan Allah kepada kamu?» Maka ketika mereka berpaling (daripada kebenaran), Allah memalingkan hati mereka (daripada mendapat hidayah). Allah tidak memberikan hidayah kepada kaum yang fasiq.
6. Dan ketika Isa anak Maryam berkata: «Wahai bani Israel, sesungguhnya aku ini utusan

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

سَبَّحَ لِلَّهِ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ  
وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿١﴾

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لِمَ تَقُولُونَ مَا لَا  
تَفْعَلُونَ ﴿٢﴾

كَرُمَقَاتٍ عِنْدَ اللَّهِ أَنْ تَقُولُوا مَا لَا  
تَفْعَلُونَ ﴿٣﴾

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الَّذِينَ يُقِيمُونَ فِي سَبِيلِهِ  
صَفًّا كَأَنَّهُمْ بُيُوتٌ مُرْصُوصَةٌ ﴿٤﴾

وَإِذْ قَالَ مُوسَى لِقَوْمِهِ يَا قَوْمِ لِمَ  
تُؤَدُّونَنِي وَقَدْ تَعْلَمُونَ أَنِّي رَسُولُ اللَّهِ  
إِلَيْكُمْ فَلَمَّا زَاغُوا أَزَاعَ اللَّهُ قُلُوبَهُمْ  
وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْفَاسِقِينَ ﴿٥﴾

وَإِذْ قَالَ عِيسَى ابْنُ مَرْيَمَ بَنِي إِسْرَائِيلَ إِنِّي رَسُولُ اللَّهِ  
إِلَيْكُمْ مُصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدَيَّ مِنَ التَّوْرَةِ وَمُبَشِّرًا

Allah kepada kamu, yang membenarkan kitab yang diturunkan sebelumku iaitu kitab Taurat, dan memberikan berita gembira dengan kedatangan seorang rasul yang akan datang selepasku bernama Ahmad»<sup>(1)</sup>. Maka ketika dia datang kepada mereka dengan membawa bukti-bukti yang nyata, mereka berkata: «Inilah sihir yang nyata».

7. Dan tiada yang lebih zalim daripada orang yang mengadakan pendustaan terhadap Allah, sedangkan dia diseru kepada Islam. Dan (ingatlah), Allah tidak memberi hidayah kepada kaum yang zalim.
8. Mereka sentiasa berusaha memadamkan cahaya Allah (agama Islam) dengan mulut mereka, sedangkan Allah pasti menyempurnakan cahayaNya walaupun dibenci oleh orang kafir.
9. Dialah yang telah mengutus RasulNya (Muhammad s.a.w) dengan membawa hidayah dan agama yang benar, agar dia memenangkannya di atas segala agama yang lain, walaupun dibenci oleh orang musyrik.
10. Wahai orang yang beriman! Mahukah Aku tunjukkan kamu suatu perniagaan yang boleh

بِرَسُولِ بَآئِي مِنْ بَعْدِي أَسْمُهُ وَآخِمْدُهُ تَنَاجَاهُ هُر  
بِالْبَيِّنَاتِ قَالُوا هَذَا سِحْرٌ مُّبِينٌ ﴿٦﴾

وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنِ افْتَرَى عَلَى اللَّهِ الْكُذِبَ وَهُوَ يُدْعَى  
إِلَى الْإِسْلَامِ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ ﴿٧﴾

يُرِيدُونَ لِيُطْفِئُوا نُورَ اللَّهِ بِأَفْوَاهِهِمْ وَاللَّهُ مُتِمُّ  
نُورِهِ وَتُوكِرُهُ الْكٰفِرُونَ ﴿٨﴾

هُوَ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَى وَدِينِ الْحَقِّ  
لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَتُوكِرُهُ الْمُشْرِكُونَ ﴿٩﴾

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا هَلْ أَذْكَرٌ عَلَىٰ تِجَارَةٍ تُنْجِيكُمْ مِنْ  
عَذَابِ أَلِيمٍ ﴿١٠﴾

1 Ahmad ialah nabi Muhammad s.a.w

menyelamatkan kamu daripada azab yang sangat pedih?

11. (Iaitu) kamu beriman kepada Allah dan RasulNya dan berjihad di jalan Allah dengan harta-benda dan diri kamu. Itulah yang lebih baik bagi kamu jika kamu mengetahui.
12. Allah akan mengampunkan dosa-dosa kamu, dan memasukkan kamu ke dalam syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, serta menempatkan kamu di tempat-tempat tinggal yang baik di dalam syurga «Adn». Itulah kemenangan yang besar.
13. Dan ada lagi kurniaan yang kamu sukai, iaitu pertolongan daripada Allah dan kemenangan yang dekat (waktunya). Dan sampaikanlah berita yang menggembarakan itu kepada orang yang beriman.
14. Wahai orang yang beriman! Jadikanlah diri kamu penolong-penolong (agama) Allah sebagaimana Isa anak Maryam (ketika dia) berkata kepada pengikutnya: «Siapakah pengikutku (dalam perjalananku) kepada Allah?» Mereka menjawab: «Kamilah penolong (agama) Allah!» Maka segolongan daripada kaum bani Israel beriman, dan segolongan

تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَتُجَاهِدُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ  
بِأَمْوَالِكُمْ وَأَنْفُسِكُمْ ذَلِكَ خَيْرٌ لِّكُمْ إِن كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١١﴾

يَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَيُدْخِلْكُمْ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا  
الْأَنْهَارُ وَمَسَاكِنَ طَيِّبَةً فِي جَنَّاتٍ عَدْنٍ ذَلِكَ الْفَوْزُ  
الْعَظِيمُ ﴿١٢﴾

وَأُخْرَى يُحِبُّونَهَا أَضْرَمٌ مِنَ اللَّهِ وَفَتْحٌ قَرِيبٌ وَبَشِيرٌ  
الْمُؤْمِنِينَ ﴿١٣﴾

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُونُوا أَنْصَارَ اللَّهِ كَمَا قَالَ  
عِيسَى ابْنُ مَرْيَمَ لِحَوَارِيِّنَ مَنْ أَنْصَارِي إِلَى اللَّهِ  
قَالَ الْحَوَارِيُّونَ نَحْنُ أَنْصَارُ اللَّهِ فَقَامَتِ طَائِفَةٌ  
مِنْ بَنِي إِسْرَائِيلَ وَكَفَرَتِ طَائِفَةٌ فَأَيَّدْنَا الَّذِينَ  
ءَامَنُوا عَلَىٰ عُدُوِّهِمْ فَأَصْبَحُوا ظَاهِرِينَ ﴿١٤﴾

(yang lain) kafir. Maka Kami berikan pertolongan kepada orang yang beriman untuk menewaskan musuhnya, sehingga mereka menjadi orang yang menang.

